

**KEHADIRAN
12 DISEMBER 2025**

Ahli-ahli Yang Hadir:

1. Tuan Speaker, Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, S.P.D.K., P.G.D.K., J.P.
2. Timbalan Speaker, Datuk Richard Yong We Kong, P.G.D.K.
3. Timbalan Speaker, Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, P.G.D.K.
4. Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., [N.12 Sulaman]
5. Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Kerja Raya dan Utiliti, Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [N.36 Kundasang]
6. Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kewangan, Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., A.D.K., A.M.N., J.P., [N.37 Karanaan]
7. Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan, Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [N.11 Kadamaian]
8. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [N.31 Membakut]
9. Menteri Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [N.48 Sugut]
10. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [N.43 Kemabong]
11. Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi bin Ja'afar, [N.42 Melalap]
12. Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [N.59 Sukau]
13. Menteri Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif, Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [N.68 Apas]
14. Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [N.5 Matunggong]
15. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Joniston bin Lumai @Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [N.15 Kiulu]

16. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [N.32 Klias]
17. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Caesar Mandela Malakun [ADUN Dilantik]
18. Pembantu Menteri Kerja Raya dan Utiliti, Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [N.33 Kuala Penyu]
19. Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Mohd. Ishak bin Ayub, [N.40 Bingkor]
20. Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan, Datuk Jonnybone J. Kurum, P.G.D.K., [N.47 Telupid]
21. Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Fairuz bin Renddan, P.G.D.K., [N.8 Pintasan]
22. Pembantu Menteri Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Jordan Jude Ellron, [N.44 Tulid]
23. Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Samad bin Jambri @Jamri, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [N.49 Labuk]
24. Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Hendrus Anding, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [N.7 Tandek]
25. Pembantu Menteri Kerja Raya dan Utiliti, Dato' Sri Dr. Ruddy bin Awah, J.P., [N.3 Pitas]
26. Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Chong Chen Bin, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.4 Tanjong Kapor]
27. Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr. Maijol Mahap, [N.6 Bandau]
28. Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Juil bin Nuatim, [N.27 Limbahau]
29. Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Dr. Andi Md. Shamsureezal bin Mohd. Sainal, [N.71 Tanjung Batu]
30. Pembantu Menteri Wanita, kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Rina binti Haji Jainal, P.G.D.K., [N.70 Kukusan]
31. Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Haji Ruslan bin Muharam, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.34 Lumadan]
32. Datuk Mohammad bin Mohamarin, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.1 Banggi]

33. Datuk Harun bin Durabi, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [N.2 Bengkoka]
34. Tuan Mohd. Arsad bin Bistari, [N.9 Tempasuk]
35. Puan Isnaraissah Munirah Majlilis @Fakharudy, [N.10 Usukan]
36. Datuk Jasnih bin Daya, P.G.D.K., [N.13 Pantai Dalit]
37. Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau, [N.14 Tamparuli]
38. Datuk Dr. Aliakbar bin Gulasan, P.G.D.K., [N.16 Karambunai]
39. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [N.17 Darau]
40. Puan Edna Jessica Majimbun, [N.18 Inanam]
41. Tuan Tham Yun Fook, [N.19 Likas]
42. Tuan Loi Kok Liang, [N.20 Api-Api]
43. Tuan Samuel Wong Tshun Chuen, [N.21 Luyang]
44. Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [N.22 Tanjong Aru]
45. Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [N.23 Petagas]
46. Tuan Shah Alfie Yahya Ahmad Shah, [N.24 Tanjong Keramat]
47. Tuan Chin Tek Ming, [N.25 Kapayan]
48. Datuk Donald Peter Mojuntin, [N.26 Moyog]
49. Datuk Seri Panglima Haji Gulamhaidar @Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P., [N.28 Kawang]
50. Datuk Pengiran Saifuddin Pengiran Tahir, [N.29 Pantai Manis]
51. Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [N.30 Bongawan]
52. Tuan Yusri bin Pungut, [N.35 Sindumin]
53. Datuk Haji Rusdin @Musidi bin Riman, [N.38 Paginatan]
54. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [N.39 Tambunan]
55. Datuk Nik Mohd. Nadzri bin Nik Zawawi, [N.41 Liawan]
56. Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, [N.45 Sook]

57. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, P.G.D.K., [N.46 Nabawan]
58. Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [N.50 Gum–Gum]
59. Tuan Haji Hazem Mubarak Musa, [N.51 Sungai Manila]
60. Puan Nurulalsah binti Hassan Alban, [N.52 Sungai Sibuga]
61. Tuan Alias bin Sani, [N.53 Sekong]
62. Tuan Wong Tshun Khee, [N.54 Karamunting]
63. Tuan Calvin Chong Ket Kiun, [N.55 Elopura]
64. Tuan Thien Ching Qiang, [N.56 Tanjong Papat]
65. Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.57 Kuamut]
66. Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [N.60 Tungku]
67. Tuan Muhammad bin Abdul Karim, [N.61 Segama]
68. Dato' Dr. Haji Mohammad Yusof bin Apdal, [N.62 Silam]
69. Dato' Sri Dr. Anil Jeet Singh, [N.63 Kunak]
70. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [N.64 Sulabayan]
71. Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P., [N.65 Senallang]
72. Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah, [N.66 Bugaya]
73. Tuan Syed Ahmad bin Syed Abas, [N.67 Balung]
74. Tuan Justin Wong Yung Bin, [N.69 Sri Tanjong]
75. Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [N.72 Merotai]
76. Tuan Manahing Tinggilani @Tanggilani, [N.73 Sebatik]
77. Datuk Mohamed Razali Mohamed Razi, [ADUN Dilantik]
78. Datuk Abdul Kassim Razali [ADUN Dilantik]
79. Datuk Ir. Chin Shu Ying [ADUN Dilantik]
80. Datuk Roger Chin Ken Fong [ADUN Dilantik]

81. Puan Grace Lee Li Mei [ADUN Dilantik]

Turut Hadir:

1. Puan Rafidah binti Maqbool Rahman, Setiausaha Dewan
2. Encik Mohd. Nor Hafeez bin Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha
3. Puan Suraidah binti Sunil, Pegawai Undang-undang
4. Encik Mohd. Sabri bin Metan, Bentara Mesyuarat
5. Encik Juhaidey Porimin, Penolong Bentara Mesyuarat
6. Encik Mohd. Mahahir Mansur, Penolong Bentara Mesyuarat

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

KETUA PENYELIA HANSARD
Puan Rafidah binti Maqbool Rahman

KETUA EDITOR
Puan Beatrice Natasha Mujip

Doa

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Timbalan Setiausaha Dewan.

Setiausaha Dewan: Aturan urusan mesyuarat dan usul.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025, saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini supaya mematikan atau mengalihkan telefon bimbit masing-masing ke *silent mode* dan juga tiada pergerakan keluar/masuk semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025 ini. Ini adalah untuk kita sama-sama memberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya ke atas Ucapan Bajet oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh itu, mohon kerjasama semua.

Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri, untuk membentangkan saya ingin mengucapkan selamat datang kepada 62 orang pelajar dan pensyarah daripada Universiti Teknologi Mara yang ada bersama-sama kita pada hari ini, 72 orang guru dan pelajar dari SMK Benoni dan 119 orang guru dan pelajar dari SMK Keningau II. Diucapkan selamat datang dan selamat belajar. Moga-moga anakanda semua akan menjadi pelapis-pelapis pada yang ada di Dewan ini. Insya-Allah. Setiausaha teruskan.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025 - Bacaan Pertama.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun]: Tuan Speaker, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 2026.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, bacaan kedua bila?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun]: Hari ini, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Baiklah.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025 - Bacaan Kedua.

Tuan Speaker: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun]: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025 dibacakan kali kedua sekarang.

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia, Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Tuan Speaker, dengan penuh takzim, saya mohon izin untuk membentangkan cadangan Belanjawan Sabah Tahun 2026 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

MUKADIMAH

Tuan Speaker, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil Alamin, Wabihi Nastai'n. Selawat dan Salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan izin dan kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama mencari muafakat ke atas Belanjawan Sabah Tahun 2026.

Semoga Allah, Tuhan Yang Maha Esa merahmati dan melancarkan perancangan serta usaha-usaha kita beroleh kemajuan serta kemakmuran berkat kerjasama yang dipikul bersama Kerajaan dan rakyat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah yang telah memberikan kepercayaan kepada saya memegang tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Menteri II dan Menteri Kewangan Sabah, seterusnya diberi amanah untuk membentangkan Belanjawan Sabah 2026. Tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diberi mandat oleh rakyat Sabah dalam pilihan raya yang lepas. Sekali lagi Gabungan Rakyat Sabah (GRS) berjaya membentuk Kerajaan untuk meneruskan agenda pembangunan dan pentadbiran Kerajaan Sabah.

PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN OLEH KERAJAAN SABAH

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Sabah yang baharu dibentuk memutuskan untuk membuat perubahan ke atas nama beberapa Kementerian termasuk perubahan dan penambahan fungsi bagi memastikan Kementerian yang terlibat dapat melaksanakan peranan dengan lebih berkesan dan meliputi semua aspek penting yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat Sabah.

Kementerian yang terlibat adalah seperti yang berikut:

- i. Kementerian Kerja Raya Sabah kepada Kementerian Kerja Raya dan Utiliti;
- ii. Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat ditukar kepada Kementerian Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat;
- iii. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan sekarang dikenali sebagai Kementerian Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan;
- iv. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi; dan
- v. Kementerian Belia dan Sukan sekarang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI DUNIA DAN MALAYSIA

Ekonomi Dunia

Tuan Speaker, ekonomi global dijangka bergerak perlahan dan menghadapi persekitaran yang mencabar. Dalam laporan *Global Economic Prospects* terbitan World Bank, pertumbuhan ekonomi dunia pada 2025 diunjurkan perlahan iaitu 2.3 peratus dan dijangka akan naik sedikit sekitar 2.5 peratus menjelang 2026. Negara-negara yang terkesan akibat perang *reciprocal tariff* memerlukan tempoh penyesuaian aliran perdagangan dan bertindak balas bagi memulihkan semula pertumbuhan ekonomi dunia.

Rencana "*The Global Economy in Five Charts*" daripada *World Bank Group* menjangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia dari tahun 2025 - 2026 akan stabil dengan peratus pertumbuhan kekal rendah sebanyak 2.7 peratus. Persekitaran pertumbuhan ekonomi global yang perlahan berpotensi memberi kesan ekonomi yang signifikan dan di tahap yang kritikal memerlukan penyediaan dasar pemulihan pendapatan bagi memastikan ekonomi sesebuah negara kekal berdaya tahan. Walau bagaimanapun, peningkatan risiko perang perdagangan, dasar monetari dan fiskal yang lebih agresif, serta ketidakstabilan geopolitik mahupun isu alam sekitar seperti bencana alam, semuanya boleh mengganggu gugat kestabilan momentum pemulihan global. Secara keseluruhan, menjelang 2026, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka kekal berdaya saing walaupun pertumbuhan dijangka agak perlahan. Negara membangun akan kekal menjadi pemacu utama dengan pertumbuhan sekitar 4.3 peratus disokong oleh permintaan domestik dan pelaburan infrastruktur yang kukuh. Dalam konteks serantau, Malaysia dijangka kekal dengan prestasi perdagangan yang positif, didominasi oleh pasaran strategik negara seperti China, Amerika Syarikat dan Singapura, selain dibantu dengan hubungan dagangan berasaskan teknologi hijau dan pematuhan sejagat terhadap *Environmental, Social and Governance (ESG)* akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi dengan Kesatuan Eropah (EU).

Ekonomi Malaysia

Tuan Speaker, bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan dijangka kekal sederhana pada 2026, di mana Kerajaan Persekutuan dan Bank Dunia telah meletakkan sasaran pertumbuhan yang positif antara 4.0 peratus hingga 4.5 peratus.

Bank Dunia juga telah menyasarkan ekonomi Malaysia akan mencatat pertumbuhan sekitar 4.1 peratus pada 2026, kekal seperti unjuran 2025, menunjukkan bahawa momentum domestik yang kurang berdaya saing. Walau bagaimanapun, *Asian Development Outlook (ADO)* menyasarkan Malaysia masih mampu mencatatkan pertumbuhan yang sederhana meskipun menghadapi cabaran faktor luaran yang lemah dan risiko perdagangan global yang tidak menentu dengan kadar inflasi nasional pada tahap yang terkawal.

Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh menjelang 2026 berikutan momentum pertumbuhan positif yang dicatatkan pada 2024 dan 2025. Ekonomi global yang dijangka akan pulih pada tahun 2026 akan menggalakkan permintaan terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E) dan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan hingga 4.5 peratus. Manakala, Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan tumpuan kepada aktiviti perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, serta pelancongan.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah yang menyumbang lebih 60 peratus kepada KDNK negara turut menunjukkan pengukuhan ekonomi yang selari dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor kekal sebagai penyumbang ekonomi tertinggi negara, manakala Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menunjukkan pertumbuhan sederhana yang disokong oleh Sektor Perkhidmatan dan aktiviti pelancongan. Perdagangan luar negara dijangkakan akan terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan didorong oleh peningkatan dalam aliran masuk pelaburan asing. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia yang mampan dan berdaya saing.

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI SABAH

Tuan Speaker, ekonomi Sabah pada tahun 2026 dijangka akan terus berkembang seiring dengan pengukuhan asas fiskal dan peningkatan pelaburan. Berdasarkan laporan *Sabah Economic Outlook 2026-2027*, pemulihan Sektor Pelancongan pasca pandemik, peningkatan aktiviti perdagangan, serta pertumbuhan tenaga kerja formal dan tidak formal, menunjukkan momentum ekonomi yang stabil.

Ekonomi Sabah mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1 peratus bagi tahun 2024, dengan nilai KDNK meningkat kepada RM84.3 bilion berbanding RM83.4 bilion pada tahun sebelumnya. Manakala, KDNK per kapita pula direkodkan menurun daripada RM31,235 pada tahun sebelumnya kepada RM30,605 dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 4 peratus. Secara keseluruhan, Sabah menyumbang sebanyak 5.1 peratus kepada KDNK Malaysia, sekali gus meletakkannya di kedudukan ketujuh dalam senarai penyumbang utama ekonomi negara.

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama ekonomi Sabah dengan sumbangan sebanyak 52.4 peratus. Ini diikuti oleh Sektor Perlombongan dan Pengkuarian serta Sektor Pertanian, yang masing-masing menyumbang sebanyak 22 peratus dan 14.5 peratus. Sementara itu, Sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 7.2 peratus, manakala Sektor Pembinaan mencatatkan sumbangan sebanyak 3.5 peratus kepada keseluruhan ekonomi Sabah.

Dalam konteks perdagangan luar negeri, Sabah turut berdepan dengan ketidakpastian pasaran global dan tekanan daripada dinamika geopolitik antarabangsa termasuk pelaksanaan tarif timbal balas oleh Amerika Syarikat terhadap beberapa rakan dagang utama. Dalam tempoh Januari hingga September 2025, Sabah mencatatkan imbangan dagangan lebihan sebanyak RM8 bilion, berbanding RM11 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Dalam masa yang sama, jumlah eksport direkodkan menyusut kepada RM43.7 bilion berbanding RM45.7 bilion berikutan penurunan komoditi eksport utama Sabah

khususnya petroleum mentah dan baja dikilangkan. Jumlah import pula meningkat kepada RM35.6 bilion berbanding RM34.6 bilion bagi tempoh masa yang sama susulan peningkatan import barangan utama seperti jentera dan kelengkapan pengangkutan serta pelbagai barang keluaran kilang.

Meskipun berdepan dengan tekanan akibat prestasi perdagangan yang sederhana, ekonomi Sabah kekal menunjukkan daya tahan hasil daripada penggunaan swasta yang kukuh. Setakat September 2025, inflasi Sabah direkodkan pada kadar 1.1 peratus, iaitu sedikit lebih rendah berbanding kadar inflasi nasional 1.4 peratus. Kadar ini juga direkodkan menurun sebanyak 0.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Perkembangan positif ini turut disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah yang positif sepanjang separuh pertama tahun 2025, sekali gus mencerminkan keyakinan pengguna yang berterusan terhadap ekonomi Sabah.

Dari aspek sosioekonomi, purata pendapatan isi rumah kasar bulanan Sabah terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila mencatatkan nilai sebanyak RM6,498 pada tahun 2024, berbanding RM6,171 pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan Sabah juga menurun sekali gus mencerminkan peningkatan dalam tahap kesejahteraan rakyat. Kadar kemiskinan menyusut daripada 19.7 peratus pada tahun 2022 kepada 17.7 peratus pada tahun 2024, sejajar dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program pembasmian kemiskinan di Sabah.

Tuan Speaker, momentum pertumbuhan ekonomi Sabah dijangka terus berkembang pada kadar sederhana pada tahun 2026 dengan kadar pertumbuhan KDNK Sabah dijangka meningkat kepada sekitar 2.0 peratus, didorong terutamanya oleh perkembangan berterusan Sektor Perkhidmatan. Sektor Pelancongan dijangka menjadi pemacu utama, selaras dengan pelbagai inisiatif promosi yang dirangka sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Dalam masa yang sama, pengoperasian Hospital Pakar Universiti Malaysia Sabah yang dijadualkan pada Januari 2026 juga bakal memperkukuh Sektor Kesihatan di Sabah, seterusnya meningkatkan reputasi Sabah sebagai destinasi pelancongan dan pendidikan perubatan yang semakin berdaya saing.

Selain itu, Sektor Pembinaan dijangka terus berkembang secara konsisten dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, seiring dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan berimpak tinggi di seluruh Sabah. Antara projek utama termasuk projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1B merangkumi jajaran sepanjang 388 kilometer, yang bakal meningkatkan keterhubungan antara daerah serta kecekapan sistem logistik dan pengangkutan.

Dalam masa yang sama, Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) akan dilaksana bagi meningkatkan kapasiti penumpang daripada 9 juta kepada 12 juta orang setahun. Usaha yang sama turut akan dilaksanakan di Lapangan Terbang Tawau, di mana kapasiti penumpang akan ditingkatkan daripada 1.5 juta kepada 2.5 juta orang setahun. Kedua-dua inisiatif ini dijangka dapat menampung pertambahan jumlah pelancong serta pengguna penerbangan domestik dan antarabangsa, di samping memperkukuh kemudahan lapangan terbang agar lebih selesa, moden dan efisien seterusnya melonjakkan lagi pertumbuhan Sektor Pelancongan di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sabah dihubungkan secara terus dengan 14 destinasi antarabangsa melalui 117 penerbangan selain turut menerima sebanyak 447 penerbangan daripada 14 destinasi domestik setiap minggu.

Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepangar juga sedang giat dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti pengendalian kargo daripada 0.5 juta Twenty-foot Equivalent Unit (TEU) kepada 1.25 juta TEU. Secara keseluruhannya, pelaksanaan inisiatif dan projek pembangunan ini dijangka merancakkan aliran pelaburan serta meningkatkan daya tahan dan seterusnya memperkukuh aktiviti ekonomi Sabah ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif.

MATLAMAT DAN STRATEGI BELANJAWAN SABAH TAHUN 2026

Tuan Speaker, Belanjawan Sabah 2026 telah dirangka berteraskan aspirasi dan komitmen Kerajaan Sabah melonjak dan mempercepatkan pembangunan Sabah demi kesejahteraan hidup rakyat dengan mengagihkan sumber kewangan untuk tahun hadapan berdasarkan tonggak seperti berikut:

- Pertama: Mempercepatkan pembangunan lanjut sektor-sektor produktif, termasuk menarik pelaburan bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan Sabah;
- Kedua : Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup melalui pendekatan inklusif;
- Ketiga : Memperkasa pembangunan modal insan dengan peningkatan pengetahuan, kemahiran, produktiviti dan inovasi serta memastikan rakyat mendapat kehidupan yang sejahtera;
- Keempat: Meningkatkan pembangunan pemboleh daya (enablers) khususnya infrastruktur asas fizikal, utiliti dan kemudahan awam bagi menyokong pertumbuhan serta pengembangan ekonomi; dan
- Kelima : Meningkatkan keupayaan, kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian Kerajaan Sabah.

Dalam usaha merealisasikan kesemua tonggak tersebut, kemampuan perbelanjaan Kerajaan perlu diutamakan dengan prestasi jentera pelaksana dasar yang lebih responsif, efisien, telus dan berorientasikan hasil. Oleh itu, penyampaian perkhidmatan Kerajaan perlu diurus secara cekap dan dinamik, di samping melaksanakan dasar perbelanjaan berhemat bagi menutup ruangruang pembaziran, pemborosan dan ketirisan.

TEMA DAN FOKUS BELANJAWAN SABAH TAHUN 2026

Tuan Speaker, **“MEMACU PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN RAKYAT DIUTAMAKAN”** adalah Tema Belanjawan Sabah 2026. Pilihan Raya Sabah baru saja selesai. Kerajaan yang baharu dibentuk akan melaksanakan amanah rakyat untuk tempoh lima (5) tahun lagi. Dengan penuh iltizam dan hasrat mendalam untuk membawa perubahan dan pembangunan kepada kemajuan serta taraf hidup rakyat, Belanjawan Sabah 2026 akan menjadi tonggak untuk merealisasikan tema tersebut.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan satu Anggaran Perbelanjaan Perbekalan berjumlah RM6.402 bilion dengan Anggaran Hasil berjumlah RM6.430 bilion. Meskipun Belanjawan ini mencatatkan sedikit penurunan berbanding tahun 2025, setelah mengambil kira anggaran hasil yang dapat dikutip, Belanjawan Sabah 2026 masih mencatatkan Belanjawan Lebihan (Surplus Budget) sebanyak RM28 juta.

AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2026 MENGIKUT KEMENTERIAN

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah berhasrat untuk meningkatkan program dan aktiviti berorientasikan pembangunan bagi memangkin pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang, menyediakan peluang pekerjaan dan menambah prasarana serta kemudahan fizikal bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, program dan aktiviti di bawah Vot Perbelanjaan Perbekalan dan Vot Perbelanjaan Pembangunan diselaraskan mengikut jenis perbelanjaan masing-masing bermula tahun 2026. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira pelarasan bagi Perbelanjaan Perbekalan dan Pembangunan berkenaan, maka Belanjawan Sabah 2026 disediakan mengikut perinciannya seperti dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2026. Agihan Anggaran Perbekalan dan Anggaran Pembangunan mengikut Kementerian seperti berikut:

Pertama : Kementerian Kewangan RM2.899 bilion Perbekalan, RM209.02 juta Pembangunan

Ke-2 : Kementerian Kerja Raya dan Utiliti RM1.122 bilion Perbekalan RM534.28 juta Pembangunan

Ke-3 : Jabatan Ketua Menteri: RM792.83 juta Perbekalan RM190.58 juta Pembangunan

Ke-4 : Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan RM416.76 juta Perbekalan RM143.09 juta Pembangunan

- Ke-5 : Kementerian Pembangunan Luar Bandar RM122.72 juta Perbekalan, RM195 juta Pembangunan
- Ke-6 : Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan: RM230.26 juta Perbekalan RM27.19 juta Pembangunan
- Ke-7 : Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi: RM186.54 juta Perbekalan RM18.18 juta Pembangunan
- Ke-8 : Kementerian Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat: RM160.36 juta Perbekalan RM13.19 juta Pembangunan
- Ke-9 : Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar: RM135.75 juta Perbekalan RM38.70 juta Pembangunan
- Ke-10 : Kementerian Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif: RM88.01 juta Perbekalan RM10.05 juta Pembangunan
- Ke-11 : Kementerian Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan: RM105.67 juta Perbekalan RM88.36 juta Pembangunan
- Ke-12 : Perbelanjaan Tanggungan: RM91.05 juta Perbekalan
- Ke-13 : Perbelanjaan Yang Tidak Termasuk Dalam Kementerian- Kementerian: RM50.03 juta Perbekalan

Kerajaan Sabah telah mengorak langkah menurunkan nisbah jurang di antara Perbelanjaan Perbekalan dan Pembangunan, di mana Perbelanjaan Perbekalan menunjukkan nisbah 86 peratus pada tahun 2024 menurun kepada 85 peratus pada tahun ini dan dicadangkan menurun lagi kepada 78 peratus pada tahun 2026. Usaha ini akan terus dipergiat bagi memastikan Perbelanjaan Pembangunan ditingkatkan untuk memberi impak signifikan kepada pembangunan Sabah secara inklusif.

ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026

ANGGARAN HASIL

Hasil Sabah Tahun 2024

Tuan Speaker, pada tahun 2024, Kerajaan Sabah berjaya mengekalkan pungutan hasil di paras 6 bilion iaitu RM6.842 bilion. Tahniah dan setinggi penghargaan selayaknya diberikan kepada semua pihak yang terlibat di atas pencapaian ini. Kita berharap agar perjalanan kejayaan ini akan terus melangkah ke fasa yang lebih cemerlang lagi.

Hasil Sabah Tahun 2025

Bagi Anggaran Hasil Disemak Tahun 2025, sasaran pungutan dijangka meningkat sebanyak RM212.76 juta atau 3.3 peratus kepada RM6.658 bilion berbanding Anggaran Hasil Asal yang berjumlah RM6.445 bilion. Peningkatan ini didorong oleh Cukai Jualan Negeri (CJN), Terimaan serta Sumbangan Kerajaan Persekutuan, Faedah dan Perolehan Pelaburan serta Premium Jualan Tanah-Umum. Walaupun terdapat penurunan pada Royalti Petroleum tetapi keseluruhan hasil dianggarkan meningkat berikutan pungutan sebenar yang lebih memberangsangkan.

Hasil Sabah Tahun 2026

Tuan Speaker, struktur ekonomi Sabah masih terdedah kerana kebergantungannya kepada dua komoditi utama, iaitu minyak mentah petroleum (CO) dan minyak sawit mentah (CPO), yang sensitif terhadap perubahan harga global, kuantiti pengeluaran, serta kadar pertukaran Dolar Amerika (USD). Sehubungan itu, walaupun harga CPO kekal di paras melebihi RM4,000, ia hanya mampu mengimbangi sedikit penurunan hasil bagi komoditi berasaskan CO, berikutan harga CO yang pada ketika ini berada di bawah paras USD 65. Atas faktor-faktor ini, Anggaran Hasil 2026 dijangka akan menurun berbanding Hasil Disemak 2025, dengan jumlah keseluruhan mencecah RM6.430 bilion mengikut klasifikasi berikut:

- (i) Hasil Cukai berjumlah RM2.771 bilion, dengan sumber utama daripada Cukai Jualan Negeri (CJN) RM2.614 bilion; Sewa Tanah RM120.00 juta; serta Cukai Pelabuhan dan Dermaga RM37.50 juta;
- (ii) Hasil Bukan Cukai berjumlah RM2.348 bilion yang sebahagian besarnya diperolehi daripada Royalti Petroleum RM1.075 bilion; Royalti Bayaran Keluaran Hutan dan Eksport Kayu Diproses RM132.70 juta; Faedah dan Perolehan dari Pelaburan RM490.31 juta; Jualan Air RM308.00 juta dan Premium Tanah RM160.00 juta; dan
- (iii) Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM1.311 bilion yang disumbangkan oleh Terimaan dan Sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.161 bilion serta Terimaan-Terimaan Lain berjumlah RM150.00 juta.

Tuan Speaker, kedudukan kewangan yang stabil merupakan asas utama kepada kemampuan Kerajaan Sabah untuk menampung Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Dengan kedudukan ekonomi yang mampan, progresif dan berdaya tahan, kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat pasti akan terjamin. Lantaran itu, bagi memastikan kedudukan fiskal terus kukuh, Kerajaan Sabah telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kutipan hasil.

Antara langkah proaktif tersebut, Kerajaan Sabah mula menggunakan kaedah harga rujukan bagi menentukan nilai jualan untuk pengiraan CJN ke atas empat produk petroleum mulai 1 Oktober 2025 iaitu minyak mentah, kondensat, gas asli ke Labuan dan gas asli cecair. Nilai jualan diambil berdasarkan harga tertinggi antara harga invois sebenar atau harga rujukan. Pendekatan ini memastikan pengisytiharan selaras dengan harga pasaran dan dapat mengoptimumkan kutipan CJN. Di samping itu, kajian semula secara menyeluruh ke atas semua kadar bayaran, caj, yuran fi, dan sewa sedang giat dijalankan bagi memastikan ia selaras dengan nilai pasaran semasa.

Kerajaan juga sentiasa komited untuk menangani isu ketirisan hasil. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah menjalankan Operasi Pemantauan Khas (OPK)

bersama agensi rakan strategik daripada Sabah dan Persekutuan untuk memastikan tiada ketirisan hasil cukai. Kerajaan Sabah ingin merakamkan penghargaan kepada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta semua agensi di Sabah dan Persekutuan yang telah membantu Kerajaan Sabah dalam mengatasi isu ketirisan cukai. Saya menyeru agar semua Jabatan Pemungut Hasil untuk terus memperkasa penguatkuasaan bagi memastikan setiap hasil dikutip dengan cekap dan telus.

Kerangka perundangan yang kukuh juga penting untuk memastikan pelaksanaan yang cekap dan telus. Oleh itu, pindaan ke atas Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 telah dibuat dan dikuatkuasakan masing-masing pada 1 September 2025 dan 1 Oktober 2025. Ini bertujuan untuk memperkemas pelaksanaan dasar, meningkatkan kecekapan pentadbiran percukaian, menangani potensi ketirisan hasil, serta memperkukuh keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti dalam tadbir urus cukai Sabah.

Selaras dengan usaha Kerajaan Sabah ke arah pendigitalan, semua Jabatan Pemungut Hasil digalakkan untuk mempelbagaikan mod pembayaran tanpa tunai dan mendigitalkan pungutan hasil sepenuhnya agar proses terimaan dapat diurus dengan teratur, pantas dan tepat.

Di samping itu, usaha juga telah diambil untuk meneroka sumber hasil baharu melalui mobilisasi hasil merentas Kementerian, di mana semua Kementerian dan Jabatan bukan pemungut hasil disarankan untuk meneroka peluang baharu yang berpotensi menyumbang kepada pendapatan Sabah.

Kerajaan Sabah juga menyambut baik keputusan Mahkamah Tinggi yang mengesahkan hak Perlembagaan Sabah berhubung Pemberian Khas 40 peratus di bawah Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Sabah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sabah Law Society (SLS). Keputusan ini merupakan satu pencapaian penting yang

menzahirkan keberhasilan usaha gigih, berterusan dan konsisten Kerajaan Sabah dalam memperjuangkan serta mempertahankan hak-hak Sabah, di samping kerjasama konstruktif dengan Kerajaan Persekutuan. Sebagai makluman, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Rundingan Pemberian Khas telah diadakan pada 17 November 2025. Kerajaan Sabah yakin bahawa perjuangan yang telah digembleng oleh semua pihak tidak akan sia-sia dan tuntutan hak ini akan menghasilkan impak positif yang signifikan kepada seluruh rakyat Sabah.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2026

Tuan Speaker, bagi tujuan penyediaan Belanjawan Sabah 2026, Kerajaan Sabah telah merangka pelbagai strategi melalui pelaksanaan sesi libat urus bersama Kementerian dan Jabatan, di samping mempertimbangkan pelbagai petunjuk serta unjuran ekonomi global yang dijangka tidak menentu pada tahun mendatang. Belanjawan ini turut mengambil kira pelaksanaan program dan inisiatif baharu tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Bagi tahun 2026, adalah dicadangkan Anggaran Perbekalan sebanyak RM6.402 bilion dengan agihan RM5.202 bilion diperuntukkan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus dan RM1.2 bilion untuk Pencaruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Susulan daripada pelarasan Perbelanjaan Perbekalan dan Pembangunan bermula pada tahun 2026, maka peruntukan bagi Perbelanjaan Perbekalan yang bertujuan untuk menampung Perbelanjaan Emolumen, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas telah menurun sebanyak RM19.35 juta bersamaan 0.3 peratus pada tahun 2026 berbanding Anggaran Asal tahun 2025 iaitu RM6.421 bilion.

Perbelanjaan Emolumen dicadangkan peruntukan sebanyak RM936.73 juta pada tahun hadapan bagi membiayai gaji penjawat awam Sabah. Jumlah ini mencatatkan kenaikan sebanyak RM32.82 juta atau 3.63 peratus berbanding peruntukan asal tahun ini disebabkan kenaikan gaji tahunan, pelarasan gaji Fasa 2 iaitu kenaikan 3 hingga 7 peratus selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

yang telah berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan pertambahan pelantikan baharu penjawat awam Sabah.

Perbelanjaan Berulang dicadangkan sebanyak RM2.22 bilion bersamaan 34.68 peratus yakni berlaku penurunan sebanyak RM49.94 juta atau 2.2 peratus berbanding peruntukan asal tahun 2025. Perbelanjaan di bawah peruntukan ini adalah bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang merangkumi kerja-kerja pengoperasian, perolehan aset, perbelanjaan pentadbiran am dan sumber manusia serta pelaksanaan program-program tahunan yang bukan bersifat pembangunan.

Sementara itu, agihan Perbelanjaan Khas dicadangkan sebanyak RM2.045 bilion bersamaan 31.95 peratus mencatatkan penurunan sebanyak RM222.23 juta atau 9.8 peratus daripada peruntukan asal tahun 2025. Penurunan ini disebabkan oleh perpindahan peruntukan di bawah Perbelanjaan Khas ke Vot Perbelanjaan Pembangunan. Perbelanjaan Khas yang masih dikekalkan di bawah peruntukan ini antaranya adalah pemberian kepada Agensi-agensi Kerajaan Sabah; bayaran Subsidi Pembajakan Padi; Perkhidmatan Pengurusan Loji Air di Bawah Kontrak Outsource termasuk Pembelian Air dan Perbelanjaan Penswastaan Air; Pemusatan Pembelian Kenderaan dan Perahu; serta pelbagai program di bawah Jabatan Pertanian Sabah.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2026

Tuan Speaker, Perbelanjaan Pembangunan Sabah merupakan sumber penting dan diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi Sabah. Justeru itu, saya mencadangkan sebanyak RM1.865 bilion diperuntukkan pada tahun 2026. Jumlah ini merangkumi peruntukan Kerajaan Sabah sebanyak RM1.468 bilion serta peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM397.21 juta dalam bentuk Pinjaman Persekutuan dan Bayaran Balik Persekutuan.

Agihan peruntukan pembangunan bagi Kumpulan Wang Negeri mengikut sektor adalah seperti yang berikut:

Sektor Ekonomi	:	RM996.47 juta atau 67.90 peratus
Sektor Sosial	:	RM345.77 juta atau 23.56 peratus
Sektor Pentadbiran Am	:	RM125.40 juta atau 8.54 peratus

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, siling peruntukan keseluruhan yang diluluskan di bawah RMKe-13 adalah sebanyak RM12.02 bilion bagi membiayai sebanyak 1,173 program/projek pembangunan. Ini merupakan peruntukan pembangunan tertinggi dalam sejarah Belanjawan Sabah. Daripada jumlah program dan projek yang diluluskan tersebut, sebanyak 241 merupakan program/projek sambungan manakala 932 lagi adalah program/projek baharu.

SEKTOR UTAMA FOKUS PERTUMBUHAN EKONOMI

Tuan Speaker, bagi memacu pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi, Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap usaha-usaha pembangunan tiga (3) Sektor Utama iaitu Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan. Pertumbuhan Sektor-sektor Utama ini perlu disokong oleh pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti; modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berintegriti; penggunaan sains dan teknologi yang terkini; serta pemantapan sistem penyampaian Kerajaan yang lebih cekap dan efisien. Selaras dengan strategi tersebut, Kerajaan Sabah memperuntukkan sebanyak RM996.12 juta bagi melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan lanjut Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan pada tahun 2026.

SEKTOR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Tuan Speaker, Sektor Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan akan terus menjadi nadi kepada pembangunan sosioekonomi Sabah. Sektor ini bukan sahaja menyediakan sumber makanan kepada rakyat, malah menjadi penyumbang penting kepada pendapatan Sabah serta peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar.

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuh keterjaminan makanan dan meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) tanaman makanan di Sabah, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI), serta Jabatan dan Agensi di bawahnya telah diperuntukkan sebanyak RM559.85 juta pada tahun 2026. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM75.75 juta diperuntukkan untuk tujuan pengoperasian dan bantuan kepada para nelayan, petani dan penternak.

Jabatan Pertanian Sabah sebagai agensi utama yang bertanggungjawab untuk pembangunan subsektor Tanaman telah diperuntukkan sebanyak RM171.36 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM62.40 juta adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Di bawah RMKe-13, sebanyak 108 buah projek iaitu satu (1) projek sambungan dan 107 projek baharu untuk pembangunan subsektor Tanaman telah diluluskan dengan siling peruntukan sebanyak RM323.91 juta. Program pembangunan ini adalah melibatkan 21 inisiatif merangkumi penyelidikan, latihan modal insan, pembangunan tanaman, perkhidmatan pengembangan dan agropelancongan.

Antara projek pembangunan subsektor Tanaman yang menjadi tumpuan pada tahun hadapan adalah Pembangunan Zon Pengeluaran Tanaman Makanan Kekal di 15 buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang berkeluasan 595 hektar dengan sasaran pengeluaran hasil 1,494.5 tan metrik tanaman sayuran dan buah-buahan dengan nilai RM4.32 juta. Usaha lain termasuklah pembangunan varieti tanaman baharu; teknologi penanaman mesra alam serta pemuliharaan tanah dan air.

Di bawah RMKe-13, Jabatan Pertanian Sabah akan menubuhkan Sabah Agricultural Biotechnology Centre (SABTeC) di Agriculture Research Centre Tuaran sebagai pusat penyelidikan dalam bidang bioteknologi pertanian yang dilengkapi dengan makmal biologi molekul, bioinformatik, kultur tisu serta rumah hijau tumbuhan transgenik. Kewujudan pusat ini juga akan menyokong penyelidikan berimpak tinggi untuk pembangunan varieti tahan penyakit, keberhasilan tinggi serta aplikasi teknologi penanda DNA (Deoxyribonucleic Acid) bagi pengecaman varieti, penyakit dan perosak tanaman.

Tuan Speaker, Korporasi Pembangunan Desa (KPD) akan melaksanakan sebanyak 21 buah projek pembangunan di bawah RMKe-13. Pada tahun 2026, sebanyak RM14.13 juta diperuntukkan kepada KPD untuk pengoperasian, sementara RM6.94 juta untuk memulakan 15 projek pembangunan. Program Perladangan Kontrak akan terus diberi keutamaan sebagai strategi utama melalui kerjasama di antara KPD dan peserta, dengan fokus kepada penyertaan belia khususnya dalam Projek Penternakan Ayam Pedaging. Program ini dijangka akan meningkatkan pengeluaran pertanian tempatan dan pendapatan peserta.

Selain itu, pembinaan Kilang Pemprosesan Hasil Pertanian di Keningau dan Projek Pembangunan Makanan Tambahan Lebah Madu akan dimulakan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM1.55 juta. Projek ini dijangka akan memberi impak dalam peningkatan hasil pertanian dan memberi manfaat kepada para petani di kawasan terlibat.

Bagi meningkatkan ekonomi rakyat, KPD akan memperkukuh pemasaran hasil tani melalui 10 Pusat Pengumpulan Hasil Tani di beberapa daerah termasuk Beaufort, Keningau, Kota Marudu, Nabawan, Tenom, Tambunan dan Penampang. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi memastikan pusat-pusat ini dapat beroperasi dengan lebih berkesan.

Tuan Speaker, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) memainkan peranan penting untuk mengurus dan melaksana program pembangunan komoditi getah di Sabah. Di bawah RMKe-13, LIGS telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM50.38 juta untuk melaksanakan sebanyak 46 buah projek. Bagi tahun 2026 sahaja, LIGS telah diperuntukkan sebanyak RM17.4 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM6.4 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan antaranya ialah Projek Menaik Taraf Jalan-Jalan Pertanian, Pembinaan Bangunan Pejabat Baharu serta Stor Baja dan Racun. Sementara itu, Insentif Pengeluaran Kepada Para Pekebun Kecil Getah akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun hadapan bagi membolehkan para pekebun kecil getah di Sabah menikmati pulangan dan pendapatan yang lebih tinggi.

Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPBS) yang telah ditubuhkan semula pada tahun 2024 adalah bagi menjadikan Sabah sebagai pengeluar padi dan beras yang mampan, berdaya saing, serta untuk menjamin sekuriti makanan dengan sasaran 60 peratus Tahap Sara Diri (SSL) menjelang tahun 2030. Sebanyak RM3 juta diperuntukkan kepada LPBS bagi Perbelanjaan Mengurus, manakala RM15 juta lagi untuk perolehan jentera menuai dan pembajakan padi. Program Revolusi Penanaman Padi Sabah oleh LPBS akan dilaksanakan di Papar, Keningau, Tambunan, Kota Belud, Tuaran dan Kota Marudu dengan fokus kepada pemuliharaan tanah sawah terbiar, penyediaan jentera moden, penambahbaikan sistem pengairan dan perparitan serta pengukuhan pengurusan hiliran. Usaha ini bertujuan menjadikan industri padi Sabah lebih efisien dan mampan, meningkatkan SSL beras, mengurangkan kebergantungan import serta mempertingkatkan pendapatan dan kesejahteraan pesawah.

Tuan Speaker, Sektor Perikanan telah menyumbang sebanyak 14.7 peratus di bawah KDNK Pertanian bagi tahun 2023. Imbangan Eksport dan Import Perdagangan dalam sektor ini juga menunjukkan angka positif sebanyak RM494.58 juta pada tahun 2023. Oleh itu, bagi pembangunan subsektor Perikanan dan Akuakultur, Jabatan Perikanan Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM48.26 juta pada tahun hadapan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM13.90 juta adalah bagi melaksanakan 33 buah projek dan program pembangunan baharu antaranya ialah Program Konservasi, Penguatkuasaan, Program Latihan, Program Penyelidikan, Pembangunan Sosio-ekonomi dan Program Biosekuriti serta Pembangunan Ekonomi Biru. Untuk makluman, sebanyak 35 buah program/projek baharu telah diluluskan untuk dilaksanakan sepanjang RMKe-13 dengan siling peruntukan sebanyak RM85.73 juta di bawah Jabatan Perikanan Sabah.

Di samping itu, Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) telah diluluskan siling peruntukan di bawah RMKe-13 sebanyak RM108.45 juta untuk melaksanakan sebanyak 28 projek pembangunan, iaitu dua (2) projek sambungan dan 26 projek baharu yang menumpu kepada usaha memperkasa komuniti nelayan;

meningkatkan keupayaan pengusaha kecil dan sederhana; serta memperkukuh pembangunan industri akuakultur dan perikanan Sabah. Pada tahun 2026, sebanyak RM25.11 juta diperuntukkan kepada agensi ini untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan.

Tuan Speaker, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS) akan terus memperkukuh pembangunan subsektor Ternakan melalui pelaksanaan projek berimpak tinggi yang menumpukan kepada peningkatan produktiviti, daya saing dan keterjaminan makanan. Pendekatan strategik berasaskan data akan digunakan untuk memberi manfaat langsung kepada komuniti penternak, dengan sasaran mencapai SSR ruminan sebanyak 25 peratus menjelang 2030.

Bagi tujuan tersebut, DVS di bawah RMKe-13 telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM122.27 juta untuk membiayai sebanyak satu (1) projek sambungan dan 99 projek baharu. Pada tahun 2026, sebanyak RM14.78 juta diperuntukkan untuk Jabatan ini melaksanakan program pembangunan yang telah dirancang dan RM65.95 juta untuk Perbelanjaan Mengurus yang melibatkan Perkhidmatan Veterinar, Pengurusan dan Kawalan Kesihatan Haiwan dan Biosekuriti.

Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah (JPS) diperuntukkan sebanyak RM157.13 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan pada tahun 2026. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM25.41 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan seperti menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran; projek tebatan banjir; projek pemuliharaan sungai dan pantai; rancangan pemuliharaan dan penstabilan sungai dan projek pembaikan sawah-sawah padi. Untuk makluman, di bawah RMKe-13, JPS telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM302.88 juta untuk membiayai 46 projek iaitu tujuh (7) projek sambungan dan 39 projek baharu.

Penerokaan Ekonomi Biru

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah telah merangka hala tuju pembangunan yang komprehensif bagi memperkukuh Sektor Ekonomi Biru melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik yang menumpukan kepada pengurusan sumber marin secara

mampan, penerapan inovasi berasaskan sains, serta pemeraksanaan komuniti pesisir dalam arus pembangunan Sabah.

Pendekatan utama bagi pelaksanaan Ekonomi Biru akan bertumpu kepada bidang seperti tenaga boleh diperbaharui laut, pemulihan terumbu karang, pengurusan sisa marin, pembangunan komuniti pesisir, serta pembinaan infrastruktur pelabuhan hijau dan rendah karbon. Melalui pendekatan ini, Sabah beraspirasi untuk membina ekosistem pelaburan Ekonomi Biru yang mampan dan berdaya saing, sekali gus memperkukuh daya tahan ekonomi Sabah serta memastikan pertumbuhan yang bersifat inklusif, berimpak sosial dan berpaksikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

Susulan daripada penganjuran Persidangan Ekonomi Biru Antarabangsa Sabah (SIBEC) yang telah diadakan pada 19 dan 20 Oktober 2024, Kerajaan Sabah secara aktif melaksanakan pelbagai inisiatif, projek dan kolaborasi dalam memperkukuh dan memperkasa pembangunan Ekonomi Biru di Sabah. Ini adalah juga selaras dengan komitmen Kerajaan Sabah yang telah diiktiraf sebagai hab Ekonomi Biru Malaysia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri kali Ke-146 pada 14 Julai 2025.

Antara pencapaian selepas penganjuran SIBEC 2024 adalah penubuhan Majlis Ekonomi Biru Sabah pada 16 Jun 2025; menjalinkan kerjasama strategik bersama Universiti Malaysia Terengganu dan agensi penyelidikan antarabangsa seperti Institute of Ocean Energy Saga University, Japan; menubuhkan Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru dan Keselamatan Maritim di Universiti Malaysia Sabah pada November 2024; dan memeterai Memorandum Persefahaman Blue Financing dengan Maybank Group Global Banking pada 10 November 2025.

Pada tahun hadapan, Kerajaan Sabah akan memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk memulakan penyediaan Pelan Induk Taman Perindustrian Ekonomi Biru Kudat bagi membantu Kerajaan Sabah menetapkan keutamaan potensi ekonomi biru di Sabah. Selain itu, peruntukan sebanyak RM900 ribu diperuntukkan kepada Jabatan Perikanan Sabah untuk melaksanakan Inisiatif Ekonomi Biru Perikanan yang

memberikan faedah ekonomi dan sosial kepada generasi semasa dan akan datang dengan menyumbang kepada keselamatan makanan, persekitaran hidup yang baik, pembasmian kemiskinan dan keterjaminan makanan.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

Pelaburan Asing dan Domestik

Tuan Speaker, setakat suku kedua tahun 2025, Sabah telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.368 bilion merangkumi pelaburan dalam dan luar negara yang melibatkan Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Sektor Utama. Pencapaian ini meletakkan Sabah di kedudukan kelima tertinggi penerima pelaburan di Malaysia dan mengatasi jumlah keseluruhan pelaburan 2024 yang bernilai RM6.458 bilion menunjukkan peningkatan signifikan sebanyak 76 peratus.

Daripada jumlah pelaburan setakat suku kedua tahun 2025, Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dengan nilai pelaburan sebanyak RM7.472 bilion diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak RM3.139 bilion, manakala Sektor Utama (Perindustrian, Pelancongan & Pertanian) menyumbang RM757 juta. Ini menunjukkan tahap keyakinan pelabur terhadap persekitaran ekonomi yang stabil, dasar mesra pelabur dan komitmen Kerajaan Sabah dalam memperkukuh ekosistem industri Sabah.

Usaha konsisten Kerajaan Sabah dalam memperkukuh Sektor Perindustrian melalui dasar yang inklusif, pelaksanaan projek berimpak tinggi, serta penyediaan infrastruktur industri yang kondusif terus membuahkan hasil. Sektor Pembuatan Sabah terus menunjukkan prestasi kukuh dengan sumbangan 7.2 peratus kepada KDNK Sabah, dan pertumbuhan sebanyak 1.2 peratus dicatatkan dalam tahun 2024. Peningkatan ini membuktikan Sektor Industri Sabah masih berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global.

Antara pelaburan besar yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri Sabah ini adalah pelaburan fasa satu (1) daripada syarikat Esteel Enterprise Sabah Sdn. Bhd. sebuah syarikat dari Singapura, dengan nilai pelaburan berjumlah

RM6.592 bilion. Pelaburan ini melibatkan pembinaan kilang pembuatan keluli hijau bagi pengeluaran produk iron ore concentration, iron ore pellet and hot briquetted iron (HBI) di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP). Syarikat berkenaan kini telah memulakan kerja-kerja awalan penyediaan tapak dan akan meneruskan dengan pembinaan jeti persendirian bagi menyokong aktiviti logistik syarikat tersebut. Projek ini dijangka bukan sahaja memperkukuh rantai bekalan industri tempatan, malah akan menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan penyertaan vendor tempatan dan pengukuhan rantai bekalan industri keluli di Sabah.

Pembangunan Sektor Perindustrian dan Keusahawanan

Tuan Speaker, selaras dengan hasrat Kerajaan Sabah untuk merencanakan lagi pembangunan Sektor Perindustrian, peruntukan sebanyak RM249.19 juta disediakan untuk pembangunan sektor tersebut pada tahun 2026. Ini termasuk peruntukan sebanyak RM194.04 juta kepada Kementerian Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan (KPKP), serta Jabatan dan Agensi di bawahnya untuk memacu pertumbuhan Sektor Perindustrian, meningkatkan promosi untuk menarik pelaburan dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sabah.

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terus diberi tumpuan sebagai industri sokongan utama dan pemangkin kepada pembangunan Industri Pembuatan. Pada tahun 2026, di bawah RMKe-13, Kerajaan Sabah melalui KPKP memperkenalkan Program Keusahawanan Negeri yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing Usahawan IKS Sabah ke peringkat nasional dan antarabangsa dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Sementara itu, KPKP diperuntukkan sebanyak RM16.86 juta untuk menyertai beberapa ekspo di dalam dan luar negara bagi mengembangkan pasaran produk-produk Usahawan IKS Sabah ke luar negeri.

Selain KPKP, serta Jabatan dan Agensi di bawahnya, Kerajaan juga mengagihkan peruntukan sebanyak RM18.55 juta melalui Kementerian Kewangan; Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk meneruskan pelaksanaan pelbagai program pembangunan

usahawan tempatan Sabah. Sejumlah RM15 juta diperuntukkan untuk meneruskan Program Bantuan SME-UP bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti usahawan IKS.

Manakala, RM1.5 juta untuk melaksanakan Program Pemerksaan Produk Desa dan Pembangunan Kemahiran Daerah oleh KPLB, dan RM2.05 juta adalah untuk melaksanakan program berimpak tinggi seperti Sabah Sandbox Accelerate 2026, Creative Incubator 2026 dan Pitchborneo melalui Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi. Inisiatif ini akan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan inovasi, digital dan kreativiti yang memberi impak langsung kepada ekonomi dan komuniti.

Seterusnya, di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan sebanyak RM500.1 juta adalah untuk melaksana sebanyak 123 program/projek, iaitu 34 projek sambungan dan 89 projek baharu. Sebahagian daripada peruntukan ini akan turut diagihkan kepada agensi di bawah KPKP seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) Sdn. Bhd., POIC Sabah Sdn. Bhd. dan Sabah Oil & Gas Development Corporation (SOGDC) Sdn. Bhd. untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Peruntukan sebanyak RM43.53 juta adalah untuk melaksanakan projekprojek pembangunan infrastruktur dan utiliti Taman-Taman Perindustrian di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), POIC Lahad Datu dan SOGIP pada tahun hadapan agar lebih kondusif dan dapat menarik peluang pelaburan ke Sabah.

Sementara itu, dalam usaha berterusan meningkatkan ekonomi di serata pelosok daerah di Sabah, SEDCO telah diberi peruntukan keseluruhan berjumlah RM16.90 juta bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek sedia ada antaranya ialah pembinaan Rumah Kedai di Kalabakan dan Tungku, pembinaan Kedai Matunggong, Kedai dan Hotel 2 Blok Bangunan Pulau Bum-Bum Semporna, serta pembinaan Kedai di Weston dan Kg Padas Damit, Beaufort.

Tuan Speaker, selaras dengan perubahan nama serta fungsi Kementerian dan menyokong hasrat Kerajaan Sabah untuk memperkasa Sektor Perindustrian melalui peningkatan jaringan pengangkutan, maka Jabatan Keretapi Sabah dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah telah diletakkan KPKP. Oleh itu, Jabatan Keretapi Sabah (JKNS) telah diperuntukkan sebanyak RM66.59 juta pada tahun hadapan untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Antara projek utama yang akan dilaksanakan ialah Pembaikan Cerun dan Tebing Sungai Padas di Jajaran Beaufort – Tenom bernilai RM4 juta. Untuk makluman, siling peruntukan sebanyak RM80.25 juta telah diluluskan kepada JKNS dengan 47 projek pembangunan iaitu lapan (8) projek sambungan dan 39 projek baharu di bawah RMKe-13.

Selain itu, pada tahun 2026, JKNS juga akan membina jejantas pejalan kaki di Petagas, menaik taraf lintasan rata awam secara berperingkat serta melaksanakan perolehan satu (1) lokomotif dan dua (2) unit Diesel Multiple Unit (DMU) baharu bernilai RM5.80 juta. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kereta api di Sabah kekal relevan, murah, selamat dan efisien.

Seterusnya pada tahun hadapan, Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) diperuntukkan sebanyak RM27.64 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan untuk memperkasakan infrastruktur pelabuhan sebagai pemacu ekonomi Sabah. Di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang telah diluluskan kepada JPDS adalah sebanyak RM32.23 juta dengan 23 projek pembangunan iaitu lima (5) projek sambungan dan 18 projek baharu. Di antara projek yang akan dilaksanakan oleh JPDS adalah Pengukuran Hidrografik di Wallace Bay, Pemasangan Sistem Pemantauan Trafik Perkapalan di Tawau, Naik Taraf Terminal Feri Menumbok Fasa 4, Pembinaan Jeti Pontoon Baharu di Karakit serta Kerja Awalan Bagi Pangkalan Feri Antara Pulau Bum-Bum dan Semporna.

JPDS turut menumpukan penyelenggaraan berkala kemudahan pelabuhan seperti dermaga kerajaan, jeti tukar barangan, struktur bantuan pelayaran dan kapal jabatan bagi memastikan keselamatan dan kecekapan operasi. Usaha ini penting dalam menjamin kelancaran sistem logistik serta memperkukuh daya saing Sektor Maritim Sabah.

SEKTOR PELANCONGAN

Industri Pelancongan

Tuan Speaker, Industri Pelancongan antarabangsa dijangka terus berkembang positif, dipacu oleh permintaan perjalanan yang tinggi, peningkatan kesaling hubungan penerbangan dan keyakinan pengguna yang semakin pulih. Namun demikian, persaingan semakin sengit bukan sahaja di peringkat global, tetapi juga dalam negara apabila negeri-negeri lain turut bersaing menawarkan produk dan pengalaman pelancongan yang lebih kreatif dan berdaya saing.

Justeru itu, sebanyak RM174.45 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) serta Jabatan dan Agensi di bawahnya sebagai inisiatif Kerajaan kepada pembangunan industri pelancongan di Sabah. Inisiatif ini bukan sahaja memberi impak ekonomi, malah turut menyumbang kepada pemuliharaan nilai warisan budaya serta kelestarian alam semula jadi.

Seiring dengan pengisytiharan Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Sabah akan mempergiat inisiatif, program dan acara berimpak tinggi bagi menarik lebih ramai pelancong ke Sabah. Antara lain usaha yang dirancang termasuk penganjuran Festival Budaya dan Alam Semula Jadi berskala besar, promosi Pelancongan Berasaskan Komuniti serta pengukuhan kempen pemasaran digital bagi menarik lebih ramai pelancong antarabangsa.

Bagi mengekalkan momentum positif daripada Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Sabah sedang dalam peringkat perancangan untuk menganjurkan “Tahun Melawat Sabah 2027”. Penganjuran ini dijangka akan menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh jenama Sabah sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia serta memastikan kesinambungan pertumbuhan industri pelancongan yang mampan dan inklusif.

Tuan Speaker, ekopelancongan, keunikan identiti budaya, kekayaan warisan, serta keindahan alam semula jadi merupakan kekuatan sebenar yang ada pada Sabah. Untuk makluman, siling peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian ini di

bawah RMKe-13 adalah sebanyak RM493.02 juta dengan 53 projek pembangunan merangkumi 19 projek sambungan dan 34 projek baharu. Antara projek yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-13 adalah Kajian Pembinaan Muzium Baharu Sabah; Penubuhan Kota Kinabalu Performing Arts Centre (KKPAC); pembinaan Arte Museum (Digital Museum); pembinaan Galeri Marin di Taman Tun Mustapha Kudat; dan peningkatan kemudahan pelancongan di Pulau Bohey Dulang Semporna.

Selain itu, Kerajaan Sabah juga akan menambah baik fasiliti dan infrastruktur sedia ada yang melibatkan peruntukan sebanyak RM38.70 juta. Antara projek utama yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan ialah Menaik Taraf Kemudahan Di Petagas War Memorial Park; Pembinaan Muzium Etnik Ranau; Menaik Taraf Pusat Kebudayaan Penampang dan Peningkatan Produk Pelancongan di Pusat Kebudayaan Murut Tenom.

Kerajaan Sabah juga telah memperuntukkan sebanyak RM6.7 juta pada tahun hadapan kepada Jabatan Muzium Sabah bagi memelihara dan membaik pulih bangunan muzium sedia ada dan akan terus menambah baik ruang pameran agar aset serta koleksi khazanah budaya Sabah dapat diperaga dan dipamerkan sementara menunggu bangunan muzium baharu disiapkan. Manakala, sebanyak RM18.97 juta adalah untuk Perbelanjaan Mengurus.

Seterusnya, Kerajaan Sabah akan meneruskan inisiatif untuk memperkasa warisan dan budaya Sabah dengan pembangunan Pemetaan Budaya Etnik 2026-2030 bagi memastikan kepelbagaian etnik dan budaya Sabah ini didokumentasi secara sistematik untuk rujukan generasi kini dan akan datang.

MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pembangunan Modal Insan

Tuan Speaker, Pembangunan modal insan berkemahiran tinggi merupakan platform terbaik untuk membawa ekonomi Sabah beralih kepada aktiviti-aktiviti bernilai tinggi dan berorientasikan pengetahuan. Tidak dapat dinafikan bahawa pelaburan dalam

modal insan ini penting untuk mengangkat bukan sahaja status sosial tetapi juga status ekonomi dan kesejahteraan hidup individu dan masyarakat.

Justeru itu, pada tahun hadapan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM437.93 juta untuk tujuan memperkasa dan membangunkan modal insan bukan sahaja dari aspek akademik tetapi juga aspek spiritual. Manakala, di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan untuk tujuan tersebut adalah sebanyak RM112.4 juta bagi membiayai sebanyak 36 buah projek di bawah Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

Antara program pembangunan modal insan yang menjadi tumpuan untuk dilaksanakan ialah:

- (i) Pembangunan dan operasi hal ehwal agama Islam termasuk Sekolah Agama Islam dan masjid di bawah JHEAINS dengan peruntukan berjumlah RM151.08 juta;
- (ii) Pembangunan keagamaan dan Institusi Keagamaan Bukan Islam serta sekolah-sekolah mubaligh dan persendirian ditingkatkan ke RM90 juta;
- (iii) Pembangunan dan operasi perkhidmatan perpustakaan, termasuk Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Bergerak berjumlah RM47.3 juta;
- (iv) Kursus dan Latihan Bahasa; Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM); inovasi dan teknologi digital; minyak dan gas; hospitaliti, keselamatan dan kesihatan; pertanian serta latihan di Sektor Perladangan Kelapa Sawit di bawah Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi dengan peruntukan berjumlah RM39.24 juta;

- (v) Pelaksanaan pelbagai program latihan dan kursus kemahiran termasuk operasi di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia berjumlah RM27.96 juta; dan
- (vi) Pelaksanaan pelbagai kursus berkaitan pertanian tanaman, perikanan dan penternakan di Jabatan, Agensi dan Institusi, MAFFI dengan peruntukan berjumlah RM32.85 juta.

Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Tuan Speaker, dalam usaha memperkukuh penyampaian perkhidmatan Kerajaan berasaskan teknologi maklumat, sebanyak RM32.31 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah (JPKN) bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM9.59 juta bertujuan untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, termasuk pembekalan komputer dan rangkaian ICT kepada Agensi-agensi Kerajaan Sabah, pengurusan pusat data, peningkatan keselamatan siber dan pembangunan sistem aplikasi Kerajaan.

Di bawah RMKe-13, JPKN telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM15.28 juta untuk membiayai tiga (3) projek yang merangkumi satu (1) projek sambungan dan dua (2) projek baharu. Projek Pemasangan Pencawang Kecil dan Sederhana yang melibatkan 109 lokasi di seluruh Sabah adalah projek baharu yang akan dimulakan pada tahun hadapan. Sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan pada tahun 2026 bagi melaksana Projek Pemasangan Pencawang Kecil dan Sederhana di 10 lokasi premis Kerajaan Sabah untuk meningkatkan capaian internet berkelajuan 100 Megabyte per second (Mbps), sekali gus memperkukuh infrastruktur komunikasi Kerajaan Sabah.

Selain itu, Kerajaan Sabah melalui Sabah Net Sdn. Bhd. akan terus menjadi tulang belakang utama infrastruktur digital Sabah dengan menyokong 1,000 premis Kerajaan, 31 Pusat e-Desa dan 300 tapak Starlink bagi memastikan capaian internet berkelajuan tinggi dapat dibekalkan kepada rakyat di seluruh Sabah.

Bantuan Pendidikan

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat khususnya yang melibatkan institusi pendidikan dan kebajikan para pelajar yang bakal menerajui Sabah pada masa akan datang. Oleh itu, bagi melahirkan modal insan yang berkualiti serta memberi peluang kepada lebih ramai lagi anak-anak watan Sabah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, maka pelbagai bantuan pendidikan berbentuk dana dan kemudahan disediakan oleh Kerajaan Sabah seperti berikut:

- (i) Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan kepada pelajar di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Sabah akan diteruskan;
- (ii) 13 inisiatif Bantuan Pendidikan sedia ada antaranya Bantuan Tunai Pendaftaran IPT secara One Off (BUDI); Bantuan Ihsan Komputer (BAIK); Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI); Bantuan Tiket Penerbangan Pelajar Sabah (SUBFLY) serta Sumbangan Mahasiswa Pengajian Tinggi Dalam Sabah (SENTOSA) juga akan diteruskan lagi pada tahun hadapan; dan
- (iii) Bantuan Pendaftaran Yuran MUET (BAYU) sebanyak RM150.00 seorang yang baharu diperkenalkan dijangka memberi manfaat kepada seramai 8458 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan MUET pada tahun 2026.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, agensi lain seperti Yayasan Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) juga menawarkan bantuan pendidikan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT

Kebajikan kepada rakyat

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM173.56 juta pada tahun 2026 kepada Kementerian Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat (KWKKR), serta Jabatan dan Agensi di bawahnya bagi melaksanakan agenda

kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Antara program yang disediakan oleh Kerajaan Sabah adalah seperti berikut:

- (i) RM26.06 juta untuk Program Bantuan Sosial Sekolah iaitu bantuan pakaian seragam, kasut sekolah dan alat tulis yang akan memberi manfaat kepada 227,660 murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di 1,074 buah sekolah di seluruh Sabah;
- (ii) RM71.29 juta untuk Program Bantuan Kebajikan yang meliputi Skim Bantuan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, ibu tunggal, Skim Bantuan Anak Yatim serta Program Bantuan Makanan Kepada Golongan Daif dan Miskin;
- (iii) RM10.05 juta untuk Tabung Rayuan Derma-Derma yang bertujuan untuk menampung bantuan kepada mangsa kejadian bencana alam seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh dan sebagainya;
- (iv) RM4.02 juta Bantuan Yuran Kesihatan Caj Rawatan Hemodialisis di fasiliti kesihatan Kerajaan bagi menampung seramai 2,182 pesakit buah pinggang;
- (v) RM670 ribu diperuntukkan bagi menambah Pusat Autisme Sabah (PAUS) yang bakal menyediakan pendidikan awal berkualiti dan mampu milik kepada kanak-kanak Autisme berusia tiga (3) hingga tujuh (7) tahun. Pusat ini akan diwujudkan di daerah Tawau, Sandakan, Kudat dan Beaufort secara berfasa mulai 2026. PAUS Kota Kinabalu (Sembulan) telah diwujudkan dan sedang beroperasi dengan baik serta berjaya menempatkan seramai 55 orang kanak-kanak Autisme di Kota Kinabalu;
- (vi) RM500 ribu diperuntukkan bagi melaksanakan Program Kasih dan Kongsi yang baharu diperkenalkan pada tahun 2026. Program ini adalah untuk membantu usaha transformasi pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak di pedalaman Sabah; dan

- (vii) Meneruskan Program Homeward untuk membantu golongan rentan seperti pesakit terlantar dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Kerajaan Sabah juga memperuntukkan sebanyak RM3.2 juta geran kepada Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) bagi meneruskan usaha mengukuhkan lagi hubungan antara masyarakat dan Kerajaan melalui pertubuhan sukarela kebajikan sosial atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pelaksanaan Program Bantuan Sarapan Sihat bagi 750 kanak-kanak di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak.

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah amat menitikberatkan keadaan institusi-institusi kebajikan seperti Rumah Warga Tua dan Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya termasuk Pejabat Kebajikan di semua daerah. Oleh itu, Kerajaan Sabah memperuntukkan sebanyak RM4.37 juta untuk tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan pada tahun hadapan agar institusi-institusi berkenaan dapat berfungsi dengan baik, kondusif dan selamat.

Selain itu, di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM39.83 juta kepada KWKKR untuk melaksana sebanyak 12 projek, iaitu lapan (8) projek sambungan dan empat (4) projek baharu. Sebanyak RM12.69 juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan untuk memulakan satu (1) projek baharu iaitu projek pembinaan Taman Didikan Kanak-Kanak Kelainan Upaya di Daerah Nabawan, serta meneruskan lapan (8) projek sambungan.

Seterusnya, Kerajaan Sabah melalui KWKKR turut melaksanakan pelbagai program kesedaran seperti Program Kekeluargaan, Kesihatan, Kepenggunaan dan Program Kepimpinan Wanita dengan peruntukan sebanyak RM960 ribu untuk memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran serta membudayakan gaya hidup sihat. RM550 ribu diperuntukkan kepada Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Sabah untuk terus melaksanakan program kesedaran dan pencegahan dadah terutamanya kepada pelajar, belia dan masyarakat pada tahun 2026.

Pembangunan Wanita

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah amat menghargai dan menyanjung tinggi peranan dan sumbangan kaum hawa yang melahir, membesar dan mendidik generasi pelapis yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan.

Justeru itu, sebanyak RM8.24 juta diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) untuk operasi dan melaksanakan pelbagai program pemerkasaan wanita. Beberapa program baharu akan dilaksanakan pada tahun 2026 seperti JHEWA BizBloom yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi wanita, khususnya ibu tunggal dan wanita B40, Program Keluarga Sejahtera Wanita Unggul, Program Kepimpinan Wanita Berwibawa, Program Latihan dan Kemahiran Usahawan serta Program Pembangunan dan Promosi Produk.

Di bawah RMKe-13, JHEWA telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM1.80 juta bagi melaksana satu (1) projek baharu iaitu Projek Pembinaan Bangunan Asrama Wisma Wanita Fasa 2. RM500 ribu telah diperuntukkan pada tahun hadapan untuk memulakan kerja-kerja awalan pembinaan tersebut.

Sementara itu, Kerajaan Sabah melalui Yayasan Usaha Maju (YUM) diperuntukkan sebanyak RM12.12 juta untuk pengoperasian dan meneruskan Program Kredit Komuniti kepada golongan wanita berpendapatan rendah yang berniaga kecil-kecilan untuk menjana pendapatan keluarga.

Pembangunan Belia dan Kemajuan Sukan

Tuan Speaker, golongan belia adalah aset berharga dan peneraju kepemimpinan masa depan Sabah. Justeru itu, Kerajaan Sabah amat memahami aspirasi serta keperluan belia dan penggiat sukan di Sabah.

Sebagai komitmen Kerajaan terhadap pembangunan belia dan sukan, sebanyak RM98.06 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif pada tahun hadapan untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut RM16.75 juta adalah khusus untuk pembangunan modal insan belia serta pemberian geran kepada persatuan-

persatuan belia, manakala RM27.21 juta adalah untuk pembangunan kemajuan sukan.

Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh atlet Sabah. Sehubungan dengan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan cemerlang mempertahankan gelaran juara keseluruhan di Temasya Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) Ke-22 Tahun 2025 dua tahun berturut-turut di temasya dwi tahunan tersebut. Begitu juga kepada semua atlet yang telah mengharumkan nama Sabah di peringkat antarabangsa dalam acara sukan masing-masing seperti Nor Farah binti Mazlan, Mohd Shahrul Zeckry bin Sulaiman, Siti Nur Khairunissa binti Hail dan Sazzlan bin Yuga (atlet Pencak Silat); Zmarul Al Adam, Meilaura Dora Jimmy dan Nazri Pulong (atlet Bina Badan); Jellson Jabilin (atlet Terjun) serta Ealtond Rayner (atlet E-Sport).

Kerajaan Sabah juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada kontinjen Majlis Sukan Negeri Sabah (MSNS) atas kejayaan cemerlang muncul sebagai juara keseluruhan dalam Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) Ke-65, tahun 2025. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan bola sepak Sabah FC kerana telah berjaya mara ke perlawanan akhir Piala FA seterusnya menamatkan penantian selama 27 tahun. Kali terakhir pasukan Sabah ke perlawanan akhir Piala FA ialah pada tahun 1998. Marilah kita bersama-sama memberikan sokongan kepada pasukan kita yang akan bertemu Johor Darul Ta'zim (JDT) pada 14 Disember 2025 nanti.

Tuan Speaker, bagi memperkukuh kecemerlangan sukan Sabah, Kerajaan memperuntukkan RM20 juta kepada MSNS untuk melaksanakan program pencarian bakat atlet, latihan atlet berprestasi tinggi serta persediaan atlet Paralimpik menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026.

Selain itu, RM5.05 juta diperuntukkan bagi pemberian geran kepada 54 Persatuan Sukan di Sabah, manakala RM800 ribu lagi diperuntukkan untuk pelaksanaan Sukan Massa bagi menarik lebih ramai penyertaan di kalangan masyarakat. Kerajaan Sabah juga telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta kepada Lembaga Sukan

Sabah bagi Perbelanjaan Mengurus agar prasarana sukan dapat dijaga dan diselenggarakan untuk dimanfaatkan oleh rakyat.

Di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM445.63 juta untuk melaksana sebanyak 20 projek pembangunan, iaitu enam (6) projek sambungan dan 14 projek baharu. Selari dengan usaha membudayakan gaya hidup sihat, RM10.05 juta diperuntukkan pada tahun hadapan bagi pembinaan dan penambahbaikan prasarana sukan di seluruh Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, satu kajian kebolehlaksanaan pembinaan Stadium Utama Kota Kinabalu akan dimulakan pada tahun 2026 di bawah RMKe-13.

Program Pembasmian Kemiskinan

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah kekal komited dalam mempertingkatkan kesejahteraan rakyat khususnya melalui usaha pembasmian kemiskinan di seluruh Sabah. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Sabah bersama Kerajaan Persekutuan melaksanakan Model Menoktahkan Kemiskinan Tegar, di bawah Program Menoktahkan Miskin Tegar Negeri Sabah. Program ini memberi tumpuan kepada lima (5) intervensi utama iaitu (i) Perumahan; (ii) Pekerjaan; (iii) Pendidikan; (iv) Kebajikan dan Kewangan; (v) Keusahawanan serta Latihan yang bertujuan membantu Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar keluar daripada kancah kemiskinan.

Tahun 2025 menyaksikan pelancaran Program Sentuhan Kasih Rakyat (SYUKUR), iaitu bantuan kewangan RM300 sebulan kepada 100,000 penerima golongan miskin dan miskin tegar bagi meringankan beban sara hidup mereka. Alhamdulillah, pada 26 Ogos 2025, Sabah mencatat kejayaan mencapai sifar miskin tegar. Berdasarkan data eKasih setakat 3 November 2025, Sabah telah merekodkan sifar (0) KIR miskin tegar, manakala 55,782 KIR masih berstatus miskin dan menjadi fokus intervensi selanjutnya.

Pembasmian kemiskinan akan terus menjadi keutamaan kepada Kerajaan Sabah pada tahun hadapan. Berikutan pelaksanaan Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan

(PGK) baharu tahun 2024 yang akan mula diguna pakai pada tahun 2026, angka kemiskinan di Sabah dijangka meningkat sehingga 30 peratus.

Justeru itu, program berimpak tinggi seperti Program MySMJ Profiling, Rumah Mesra SMJ, Bantuan Pendidikan, Program MySMJ Kerja dan Program SYUKUR akan terus diperkasa dan diperluas bagi mengimbangi peningkatan angka kemiskinan berikutan pelaksanaan kadar PGK tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan menambah bilangan kuota Rumah Mesra SMJ dari 40 buah kepada 50 buah bagi setiap DUN pada tahun 2026. Penambahan 10 unit Rumah Mesra SMJ tersebut adalah dikhususkan kepada mereka yang berumur 40 tahun dan ke bawah yang telah berumah tangga dan tidak memiliki rumah.

Kerajaan juga akan melaksanakan kajian bagi memberi Bantuan Subsidi Bayaran Deposit Rumah Pertama kepada golongan muda yang daif. Walau bagaimanapun, kriteria dan syarat-syarat kelayakan akan diteliti dan disediakan oleh pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Pembangunan Luar Bandar

Tuan Speaker, Kerajaan berhasrat memastikan seluruh rakyat Sabah mendapat akses kepada kemudahan asas, peluang ekonomi dan kualiti hidup yang lebih baik. Justeru itu, pembangunan wilayah yang seimbang amat penting bagi mengurangkan jurang pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar di Sabah.

Sebagai agensi yang memainkan peranan melicinkan usaha Kerajaan Sabah melaksanakan pelbagai program pembangunan di peringkat daerah, maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Pejabat-Pejabat Daerah dan Daerah Kecil telah diperuntukkan sebanyak RM317.72 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan.

Pada tahun 2026, KPLB akan melaksanakan pelbagai program dan projek baharu berimpak tinggi yang akan memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan

masyarakat luar bandar, khususnya komuniti pedalaman yang masih belum menikmati kemudahan asas seperti elektrik, air bersih dan perhubungan jalan raya yang selamat.

Bagi memastikan tadbir urus di daerah dapat memenuhi kehendak Kerajaan, Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah Negeri Sabah akan menjadi platform penyelarasan strategik dalam melaksanakan dasar pembangunan luar bandar agar lebih cekap, telus dan efisien.

Di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM1.71 bilion untuk melaksana sebanyak 13 projek baharu. Pada tahun 2026, KPLB akan melaksanakan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA), Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA) dan Projek Jambatan Kecil Luar Bandar (JKLB). Ketiga-tiga program tersebut dirangka khusus untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui akses kepada tenaga, air bersih dan jaringan infrastruktur yang lebih selamat.

Tuan Speaker, bagi pembangunan di bandar dan luar bandar, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) serta Jabatan dan Agensi di bawahnya akan diperuntukkan sebanyak RM257.44 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Di bawah RMKe-13, siling peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM280.19 juta merangkumi 70 projek pembangunan iaitu 24 projek sambungan dan 46 projek baharu.

Sebanyak RM11.14 juta diperuntukkan pada tahun hadapan bagi pemberian kapital kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan pelbagai projek sambungan dan baharu di seluruh Sabah. Antara projek utama termasuklah Pembinaan Tamu Minggu Melalap; Menaik Taraf Dewan Komuniti Kota Marudu; pembinaan terminal bas dan pasar baharu di daerah-daerah utama seperti Beaufort dan Keningau. Projek-projek ini bukan sahaja akan memperkukuh infrastruktur asas pentadbiran dan perdagangan tempatan, malahan juga mewujudkan peluang ekonomi baharu kepada peniaga kecil serta memudahkan rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan Kerajaan Tempatan.

Selain itu, Kerajaan Sabah kekal komited memastikan rakyat menikmati persekitaran yang bersih, sihat dan berkualiti. Justeru itu, pelbagai usaha akan dilaksanakan oleh pihak KKTP seperti Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Semporna, Keningau, Papar, Beaufort, Kudat dan Tawau; melaksanakan inisiatif pengurangan sisa ke tapak pelupusan; dan meneliti Model Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu bagi menyelaraskan pelaksanaannya antara PBT dan Kementerian serta menggalakkan penyertaan Sektor Swasta.

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah turut memberi keutamaan kepada pembangunan perancangan bandar dan wilayah yang seimbang termasuk perairan di seluruh Sabah agar lebih teratur, progresif dan mampan. Oleh itu, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah diperuntukkan sebanyak RM6.57 juta pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, RM500 ribu diperuntukkan bagi pembangunan pelanpelan daerah di Semporna dan Kunak.

Di samping itu, Kerajaan Sabah melalui Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM84.40 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan melaksanakan pelbagai program demi memastikan kebajikan dan adat resam anak negeri terus terpelihara. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM69.98 juta adalah merupakan perbelanjaan bayaran elaun dan pentadbiran untuk Ketua-Ketua Adat Negeri. Sementara itu, RM2.70 juta diperuntukkan untuk meneruskan projek pembinaan Mahkamah Anak Negeri di Tamparuli, Sook dan Paitan.

JARINGAN INFRASTRUKTUR

Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah mendengar rintihan dan keresahan rakyat berkaitan kemudahan infrastruktur asas yang masih belum menemui penyelesaian secara tuntas. Oleh itu, komitmen Kerajaan bagi menyelesaikan isu berkenaan terzahir dengan penyediaan siling peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Kerja Raya dan Utiliti serta Jabatan di bawahnya berjumlah RM4.80 bilion bersamaan 39.92 peratus daripada keseluruhan siling RMKe-13 adalah untuk melaksanakan 318 projek pembangunan iaitu 106 projek sambungan dan 212 projek baharu.

Di bawah RMKe-13, siling peruntukan sebanyak RM2.67 bilion telah diluluskan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membiayai sebanyak 173 projek iaitu 49 projek sambungan dan 124 projek baharu. Peruntukan sebanyak RM600.69 juta disediakan kepada JKR pada tahun hadapan untuk pengoperasian dan melaksana projek jalan raya, jambatan, cerun, bangunan Kerajaan serta program pengurusan trafik dan keselamatan jalan raya. Peruntukan tersebut juga adalah bagi menampung kerja-kerja pembaikan dan pemulihan cerun akibat kejadian tanah runtuh antaranya di Jalan Tambunan dan Jalan Keningau - Kimanis.

Tuan Speaker, Kerajaan Sabah telah memperuntukkan siling peruntukan sebanyak RM1.77 bilion kepada Jabatan Air Sabah di bawah RMKe-13 dengan 77 projek pembangunan iaitu 26 projek sambungan dan 51 projek baharu. Pada tahun hadapan, sebanyak RM848 juta disediakan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan kepada Jabatan ini. Antara projek yang akan dilaksanakan adalah pembinaan dan naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) baharu di Papar, Lahad Datu, Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan, selain kerja-kerja penggantian pam untuk meningkatkan kecekapan operasi sistem sedia ada. Penyelenggaraan aset-aset kritikal seperti LRA Telibong II, Sistem Bekalan Air Bandar, LRA Milau Kudat serta LRA Segaliud Sandakan turut diberi keutamaan. Usaha ini merupakan komitmen kerajaan dalam memastikan bekalan air terawat yang berkualiti, menyeluruh dan berterusan dapat dinikmati oleh setiap rakyat Sabah.

Di bawah RMKe-13, siling peruntukan sebanyak RM347.84 juta telah diluluskan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah (JPPS) dengan 65 projek pembangunan iaitu 28 projek sambungan dan 37 projek baharu. Kerajaan Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM203.91 juta kepada JPPS bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan pada tahun 2026. Antara projek utama yang dilaksanakan termasuklah pembaikan paip pembetungan kritikal di Kota Kinabalu dan Tawau, serta pembinaan Loji Enap Cemar Ranau. Selain itu, bermula tahun 2026, JPPS akan melaksanakan Kajian Semula Pelan Induk Sistem Pembetungan Negeri Sabah dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Melalui Pinjaman Persekutuan, JPPS akan meneruskan pelaksanaan beberapa projek sambungan seperti Skim Pembedungan di Tambunan, Sandakan, Ranau, Putatan, Kota Marudu, KKIP, Lahad Datu dan Cadangan Kajian Rekabentuk dengan peruntukan sebanyak RM89.80 juta. Bagi projek baharu pula, tumpuan diberikan kepada pembinaan Loji Enap Cemar Papar, Penampang, Kudat dan Projek Menaik Taraf Kolam Pengoksidaan Inanam dengan peruntukan berjumlah RM30.01 juta.

Selain itu, dua (2) projek berimpak tinggi iaitu Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kota Kinabalu Selatan dan Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Tadahan Bandar Tuaran akan dilaksanakan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM20 juta.

KELESTARIAN BIODIVERSITI DAN SUMBER SEMULA JADI

Tuan Speaker, pada tahun 2026, Kerajaan Sabah telah memperuntukkan sejumlah RM195.56 juta untuk melaksanakan pelbagai program dan inisiatif berunsurkan kelestarian biodiversiti dan sumber semula jadi dengan menitikberatkan elemen tematik alam sekitar iaitu Udara, Air, Biodiversiti dan Sosial.

Demi memastikan pertumbuhan sosio ekonomi yang harmoni dengan kemampuan alam sekitar, sejumlah RM144.00 juta telah diperuntukkan pada tahun hadapan kepada Jabatan Perhutanan Sabah. Peruntukan tersebut digunakan untuk mengurus dan memberi fokus kepada pemeliharaan sumber dan aset semula jadi melalui tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Untuk makluman, di bawah RMKe-13, siling peruntukan sebanyak RM123.45 juta telah diluluskan dengan 30 projek pembangunan iaitu satu (1) projek sambungan dan 29 projek baharu.

Susulan daripada kelulusan Rang Undang-Undang berkenaan Enakmen Perubahan Iklim dan Tadbir Urus Karbon Sabah 2025, Jabatan Perhutanan Sabah akan meneruskan usaha meneroka potensi sumber hasil baharu melalui pasaran karbon domestik dan antarabangsa. Ini adalah sebagai komitmen Kerajaan dalam agenda mengurangkan pelepasan gas rumah hijau bagi membendung pemanasan global dan mencapai sifar bersih menjelang tahun 2050.

Unit Perubahan Iklim, Jabatan Perhutanan Sabah bersama Pusat Pendaftaran dan Inventori Iklim Sabah, Pejabat Hasil Bumi akan mengukur, melapor dan mengurus penyerapan karbon daripada hutan Sabah. Dengan adanya inventori karbon tersebut, Sabah akan lebih bersedia untuk mengawal selia perdagangan kredit karbon yang dijana daripada usaha pemuliharaan hutan. Hasil daripada kredit karbon ini akan dikongsi bersama komuniti tempatan melalui mekanisme manfaat bersama agar rakyat Sabah turut menikmati hasil pemuliharaan alam semula jadinya. Selain itu, pusat ini akan menjadi sekretariat kepada Majlis Tindakan Perubahan Iklim Sabah yang menyelaraskan tindakan bersama dengan Kerajaan Persekutuan, di bawah Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia.

Tuan Speaker, di bawah RMKe-13, Kerajaan Sabah telah meluluskan siling peruntukan sebanyak RM14.78 juta kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar untuk melaksanakan lapan (8) projek pembangunan iaitu lima (5) projek sambungan dan tiga (3) projek Baharu. Pada tahun hadapan, sebanyak RM8.89 juta diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan pelbagai inisiatif ke arah mengarusperdanakan usaha perlindungan alam sekitar.

Kerajaan Sabah terus komited memastikan perlindungan dan kelestarian hidupan liar dalam pelaksanaan pembangunan mampan. Justeru itu, siling peruntukan sebanyak RM22.65 juta telah diluluskan di bawah RMKe-13 untuk melaksanakan 13 projek pembangunan iaitu empat (4) projek sambungan dan sembilan (9) projek baharu kepada Jabatan Hidupan Liar. Pada tahun hadapan, sebanyak RM35.55 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan melaksanakan pelbagai program kesedaran, aktiviti penguatkuasaan serta perlindungan hidupan liar termasuk usaha menangani konflik hidupan liar dengan manusia secara efektif.

Kerajaan Sabah turut mengorak langkah dalam eksplorasi sumber biologi melalui perkembangan bioteknologi yang juga merupakan salah satu potensi sumber kekayaan Sabah. Justeru itu, sebanyak RM2.08 juta telah diperuntukkan kepada Pusat Biodiversiti Sabah pada tahun hadapan untuk pengoperasian dan melaksanakan program pembangunan yang akan memberi manfaat dalam Sektor Industri, Perubatan dan Pertanian.

BADAN BERKANUN DAN AGENSI KERAJAAN SABAH

Tuan Speaker, tadbir urus korporat yang baik merupakan asas utama kejayaan sesebuah entiti, terutamanya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Prinsip integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan kecekapan pengurusan bukan sahaja menjadi penanda aras kepada keberkesanan sesuatu organisasi, malah turut mencerminkan tahap keyakinan rakyat terhadap kemampuan Kerajaan Sabah dalam mengurus aset dan pelaburan awam secara berkesan.

Dalam konteks ini, GLC seperti SMJ Energy Sdn. Bhd. (SMJE), yang ditubuhkan pada 2021 dengan modal permulaan RM50 juta untuk tujuan pelaburan strategik dalam Sektor Tenaga telah menunjukkan disiplin kewangan dan kecekapan strategi korporat yang baik. Kini SMJE memiliki aset bernilai RM4.9 bilion dan telah menyalurkan dividen RM160 juta kepada Kerajaan Sabah sejak ditubuhkan. Pencapaian ini bukan sahaja menunjukkan keupayaan pengurusan yang cekap, malah turut membuktikan keberkesanan tadbir urus korporat yang telus dan berintegriti.

Sebagai usaha untuk menambah baik prestasi dan pencapaian Badan Berkanun Negeri (BBN) dan GLC, Kementerian Kewangan telah menubuhkan dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perunding dan Pengawasan Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri Kementerian Kewangan (JPP-KKNS) dan Jawatankuasa Pinjaman dan Pelaburan Kerajaan Negeri (State Agencies' Loan and Investment Committee – SALIC). Kedua-dua Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Pembantu Menteri Kewangan bagi membolehkan Jawatankuasa ini bermesyuarat dengan lebih efektif dan efisien. Selain itu, selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, semua Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Kumpulan dan Pengurus Besar bagi BBN dan GLC perlu mengemukakan laporan prestasi bertulis setiap tiga (3) bulan terus kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mulai tahun hadapan. Langkah ini penting untuk memantau prestasi setiap agensi yang terlibat berhubung kemajuan projek, kedudukan kewangan, keberkesanan perkhidmatan dan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, JPP-KKNS memainkan peranan untuk mengenal pasti dan mengawal selia perbelanjaan BBN dan GLC yang mencatatkan prestasi kurang memuaskan serta mengesyorkan tindakan pembetulan yang bersesuaian. Manakala SALIC bertanggungjawab menyemak dan mempertimbangkan semua permohonan pinjaman dan cadangan pelaburan baharu oleh BBN dan GLC bagi memastikan cadangan yang dikemukakan adalah berdaya maju dan memberi pulangan yang optimum kepada Kerajaan Sabah.

Hasil Daripada Dividen Dan Sumbangan Agensi Awam

Tuan Speaker, setakat ini, Kerajaan Sabah telah menerima hasil daripada dividen dan sumbangan Agensi Awam berjumlah RM125.37 juta dan jumlah ini dijangka akan meningkat lagi pada penghujung tahun ini. Kerajaan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Agensi Awam Sabah yang telah merekodkan keuntungan dan membayar dividen kepada Kerajaan Sabah seperti berikut:

- (i) SMJ Energy Sdn. Bhd.;
- (ii) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (iii) Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.;
- (iv) Saham Amanah Sabah;
- (v) Innoprise Corporation Sdn. Bhd.;
- (vi) Kumpulan Sawit Kinabalu;
- (vii) Desa Group of Companies;
- (viii) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah;
- (ix) Sabah International Dairies Sdn. Bhd.;
- (x) Qhazanah Sabah Berhad;
- (xi) Angkatan Hebat Sdn. Bhd.;
- (xii) Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.;
- (xiii) Borneo Development Corporation Sdn. Bhd.;
- (xiv) Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd.;
- (xv) Tabin Wildlife Sdn. Bhd.; dan
- (xvi) Sabaras Sdn. Bhd.

Manakala dividen yang diperolehi daripada syarikat tersenarai BURSA Malaysia adalah:

- (i) FGV Holdings Berhad;
- (ii) Petronas Dagangan Berhad; dan
- (iii) Suria Capital Holdings Berhad.

Untuk penerimaan sumbangan daripada Agensi Awam, Kerajaan Sabah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- (i) Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah;
- (ii) Tanjung Aru Eco Development Sdn. Bhd.;
- (iii) Korporasi Pembangunan Desa;
- (iv) Sabah Mineral Management Sdn. Bhd.;
- (v) Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah;
- (vi) Lembaga Industri Getah Sabah;
- (vii) Sabapak Eco Sdn. Bhd.;
- (viii) Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.;
- (ix) Smart Sabah Corporation;
- (x) Angkatan Hebat Sdn. Bhd.;
- (xi) Lembaga Pelancongan Sabah.;
- (xii) Perkasa Hotel Sdn. Bhd.; dan
- (xiii) Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah.

PERKHIDMATAN AWAM SABAH

Tuan Speaker, Perkhidmatan Awam ialah nadi Kerajaan Sabah yang perlu sentiasa berfungsi dengan cekap dan berkesan bagi menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, Kerajaan Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM7.6 juta bagi menggalakkan pembelajaran secara berterusan di kalangan penjawat awam sebagai usaha untuk membentuk barisan pegawai yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, memiliki keupayaan analitikal dan kepimpinan masa hadapan.

Selain itu, sejumlah RM16.85 juta diagihkan di semua Agensi Kerajaan Sabah di bawah pembangunan sumber manusia bagi memastikan penjawat awam terlatih, cekap dan dilengkapi dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran semasa.

Penjawat awam Sabah adalah nadi utama jentera pentadbiran perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu, selain daripada pelarasan gaji, Kerajaan Sabah juga ingin membawa khabar gembira kepada para Penjawat Awam Sabah dengan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Sabah termasuk yang berstatus Kontrak, Vot Terbuka dan Pekerja Sambilan Harian. Bayaran Bantuan Khas Kewangan ini akan melibatkan seramai 18,853 orang dengan implikasi kewangan dianggarkan sebanyak RM52.6 juta. Bantuan Kewangan ini akan dibayar sebanyak dua (2) fasa iaitu pada bulan Februari sebelum Hari Raya Aidilfitri dan sebelum sambutan Kaamatan tahun 2026. Bantuan Khas Kewangan ini turut dipanjangkan kepada Pesara Kerajaan Sabah berjumlah RM1,000.00 yang akan dibayar pada tahun hadapan.

PENUTUP

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat Sabah yang telah memberikan mandat dan kepercayaan untuk kami sekali lagi memimpin Sabah. Amanah ini bukan sekadar satu keistimewaan, tetapi merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul dengan penuh integriti dan dedikasi. Kerajaan beriltizam untuk terus melaksanakan agenda pembangunan yang inklusif, mampan dan berpaksikan rakyat.

Sebagai Kerajaan yang diberi mandat, kami akan memastikan setiap dasar, perancangan dan projek pembangunan disusun dengan teliti dan dilaksanakan dengan berkesan agar dapat memberi manfaat kepada rakyat tanpa mengira fahaman politik. Kerajaan ini komited untuk meneruskan perancangan projek sedia ada yang membawa kebaikan sambil memperkenalkan pembaharuan yang diperlukan untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus. Keutamaan Kerajaan adalah jelas iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat,

merencanakan pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan kestabilan sosial serta memelihara keharmonian masyarakat pelbagai kaum.

Kerajaan juga akan mengamalkan prinsip keterbukaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban serta bersedia mendengar pandangan, teguran dan memastikan setiap keputusan dibuat berasaskan kepentingan umum dan bukan kepentingan mana-mana pihak. Saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berganding bahu bersama membangun Sabah yang tercinta ini tanpa mengutamakan kepentingan diri. Dengan penyatuan tenaga dan kesepakatan, saya yakin kita mampu melakar masa depan yang lebih cerah, makmur dan sejahtera untuk generasi hari ini dan akan datang.

Tuan Speaker, suka saya menekankan bahawa Belanjawan Sabah 2026 dengan tema “**MEMACU PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN RAKYAT DIUTAMAKAN**” merupakan Belanjawan tahun pertama pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2.0 dan merupakan Belanjawan tahun pertama pelaksanaan RMKe-13. Justeru itu, marilah kita menggembeleng tenaga serta jentera untuk memastikan segala perancangan yang digariskan dalam Belanjawan ini dilaksanakan mengikut tonggak dan hala tuju Kerajaan yang telah ditetapkan.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta rakyat yang beragama Kristian, Selamat Menyambut Hari Krismas dan kepada seluruh rakyat Sabah yang dikasihi, selamat menyambut Tahun Baharu 2026.

Tuan Speaker, Saya mohon mencadang.

Tuan Speaker: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya minta seorang ahli untuk menyokong.

Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Perindustrian Keusahawanan dan Pengangkutan [Datuk Ewon Benedick]: Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan: Usul untuk membawa Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri silakan.

Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun]: Tuan Speaker, saya mohon mengemukakan resolusi kepada Jawatankuasa Perbekalan seperti berikut:

“Bahawa walau apapun jua kehendak Peraturan-peraturan Tetap itu, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 2026 yang terkandung dalam kertas CMD.3 Tahun 2025 Jawatankuasa Perbekalan Bacaan Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Perbekalan 2026 hendaklah dibincang pada persidangan kali ini”.

Tuan Speaker: Ada ahli yang menyokong.

Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Perindustrian Keusahawanan dan Pengangkutan [Datuk Ewon Benedick]: Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan Peraturan Tetap 82(3), Dewan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada masa sehari genap untuk memulakan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan (2026) 2025 dan usul untuk membawa resolusi Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 2026. Oleh yang demikian, Dewan ini ditangguh sekarang dan akan bersidang semula pada 15 Disember 2025 hari Isnin pukul 10:00 pagi.

[GAVEL (TUKUL) – DIKETUK 3 KALI]

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada pukul 5.02 petang.

Ditetapkan: “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga Isnin, 15 Disember 2025 pukul 10.00 pagi.”

☒ SDN12122025/bnm